



PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 1 TAHUN 2022

**PEWUJUDAN STRUKTUR DAN PORTFOLIO
PRO NAIB CANSOLOR (STRATEGI DAN PRESTASI)**

Tujuan

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pewujudan struktur dan portfolio baharu di bawah Pro Naib Canselor (Strategi dan Prestasi) "Pro Naib Canselor (S&P)".

Latar Belakang

2. Sebagai sebuah universiti yang dinamik dan berdaya saing, UMT perlu memastikan struktur organisasi dan fungsinya yang menjadi asas kepada tadbir urus yang cemerlang sentiasa dikemas kini dan relevan dengan keperluan semasa dan akan datang.

Penambahbaikan Struktur Organisasi dan Tadbir Urus

3. Selaras dengan perkembangan semasa Universiti serta tuntutan keperluan pelbagai pihak dan pemegang taruh, Lembaga Pengarah Universiti dalam mesyuaratnya Kali Ke-78 (Bil. 2 Tahun 2022) telah bersetuju mewujudkan struktur dan portfolio baharu di bawah Pro Naib Canselor (S&P). Portfolio baharu ini diwujudkan untuk membantu Naib Canselor mengatur strategi meningkatkan penarafan dan prestasi Universiti dipersada dunia bagi memastikan kelestarian kecemerlangan UMT peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

4. Secara umumnya, UMT telah mempunyai pusat tanggungjawab khusus yang menguruskan berkenaan perancangan strategik Universiti iaitu Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko (TSR), serta pusat tanggungjawab khusus yang menguruskan penarafan dan prestasi universiti iaitu Pusat Ekosistem Digital (PED). Namun pada masa sekarang kedua-dua entiti ini berada di bawah portfolio kepimpinan yang berasingan.
5. Sehubungan itu, bagi memastikan sinergi antara kedua-duanya, TSR dan PED telah ditempatkan di bawah portfolio Pro Naib Canselor (S&P). Percaturan berstruktur antara TSR dan PED amat penting dalam mengatur strategi untuk meningkatkan penarafan Universiti.
6. Berdasarkan pelantikan Pro Naib Canselor (S&P) ini juga, tanggungjawab Pro Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Jaringan Industri) telah dijajarkan semula dengan memfokuskan kepada portfolio di bawah Pejabat Komunikasi Korporat dan Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri.
7. Carta organisasi terkini UMT adalah seperti di **Lampiran 1**.

Tarikh Kuat Kuasa

8. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa pada **1 September 2022**. Sehubungan itu, seluruh warga UMT dimohon untuk mengambil maklum mengenai penambahbaikan struktur organisasi dan tadbir urus UMT tersebut.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(ZUKIFEREE BIN IBRAHIM)

Pendaftar

Universiti Malaysia Terengganu

